ISSN 2180-3684 • Bil 10/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

OKTOBER 2013



Persediaan Kewangan Sebelum Persaraan

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Nurul Husna Mohd Yusof

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Persediaan Kewangan Sebelum Persaraan

Mahu atau tidak, semua orang akan bersara pada satu hari nanti. Tetapi adakah anda telah bersedia daripada segi kewangan untuk bersara? Kebanyakan orang bergantung sepenuhnya kepada faedah persaraan *(retirement benefits)* yang diperoleh untuk menampung kehidupan selepas bersara. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2011, jangka hayat penduduk Malaysia dianggarkan selama 72.0 tahun untuk lelaki dan 77.1 tahun untuk perempuan.

Oleh sebab jangka hayat manusia yang semakin meningkat, persoalan yang mungkin timbul ialah adakah wang yang dikumpulkan untuk tujuan persaraan atau pencen mencukupi untuk menampung tahap kualiti kehidupan yang diinginkan, ditambah pula dengan meningkatnya kos perubatan serta sara hidup. Oleh itu, sama ada anda bercadang untuk bersara pada usia 55 tahun atau lebih awal lagi, apa yang penting adalah anda perlu melengkapkan diri dengan perancangan kewangan yang dapat menjamin kehidupan yang memuaskan serta bebas daripada bebanan hutang setelah bersara.

Bagaimana untuk menyiapkan diri untuk bersara?

Soalan ini kerap bermain dalam fikiran orang ramai apabila membincangkan isu persaraan. Namun, tiada jawapan yang khusus untuk soalan ini kerana ia banyak bergantung kepada gaya hidup yang diinginkan, tahap kesihatan dan juga keadaan seseorang itu selepas bersara.

Berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil untuk menyiapkan diri anda dari segi kewangan sebelum bersara:

Langkah 1: Tetapkan keperluan kewangan anda

Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah menilai keperluan kewangan anda. Setelah bersara, perbelanjaan seperti pakaian ke pejabat, kos pengangkutan / perjalanan ke tempat kerja, makanan dan sebagainya sudah tiada lagi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan lain seperti kos perubatan, insurans dan lain-lain lagi mungkin akan meningkat. Secara amnya, keperluan perbelanjaan seorang pesara itu dianggarkan dalam lingkungan 75% hingga 80% keperluannya ketika masih bekerja.

Berdasarkan keperluan ini, anda perlu membuat penyelarasan yang sesuai dengan mengambil kira situasi unik anda, seperti kos pendidikan anak-anak dan pembayaran pinjaman perumahan untuk menganggarkan perbelanjaan bulanan yang perlu ditampung. Selain perbelanjaan tetap yang dikenakan, anda juga perlu mengambil kira jika terdapat kemungkinan gaya hidup anda akan berubah. Jika anda berhajat untuk mengembara, bercuti, ataupun mempunyai hobi-hobi lain yang melibatkan wang, anda perlu mengambil kira kos-kos ini ketika membuat perancangan persaraan.

Langkah 2: Menilai status semasa

Setelah menetapkan keperluan kewangan, langkah seterusnya ialah menilai kedudukan kewangan semasa dan membuat pelan untuk menampung keperluan persaraan kelak. Di sini, anda perlu memberi perhatian kepada portfolio pelaburan yang merangkumi simpanan tambahan serta pendapatan anda. Senaraikan juga semua komitmen kewangan yang perlu dijelaskan. Sekiranya anda masih bekerja, anggarkan jumlah wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau pencen yang bakal anda terima.

Langkah 3: Mengira wang yang diperlukan

Setelah selesai mengumpulkan semua maklumat di atas, anda boleh mendapatkan nasihat daripada perancang kewangan ataupun mana-mana laman web yang menyiarkan artikel-artikel mengenai perancangan persaraan yang boleh anda contohi dalam usaha untuk menyiapkan diri daripada segi kewangan sebelum bersara. Ini penting untuk menilai sama ada wang anda sekarang mencukupi atau tidak untuk memenuhi keperluan persaraan kelak. Jika jawapannya tidak, sekurang-kurangnya, anda boleh mengira berapa banyak lagi wang yang diperlukan.

Sebagai contoh, keperluan tahunan Ali ialah RM50,000 (lebih kurang RM4,000 sebulan). Dia menganggarkan bahawa wang simpanan persaraannya akan menjana pulangan sebanyak 7% setiap tahun. Oleh itu, Ali memerlukan sekurang-kurangnya RM714,286 (RM50,000 / 0.07) dalam simpanannya untuk menampung perbelanjaan persaraannya.

Langkah 4: Berdisiplin dalam Merancang Kewangan

Untuk mengekalkan kuasa beli wang anda, pastikan ia berkembang sekurang-kurangnya pada kadar yang sama dengan kadar inflasi untuk mengimbangi kesan negatif inflasi. Ini berdasarkan kepada andaian bahawa anda ingin mengekalkan wang simpanan persaraan sepanjang hidup dan menyimpan amaun prinsipal untuk anak-anak anda. Sebaliknya, jika anda tidak keberatan untuk membelanjakan wang persaraan anda, jumlah wang yang diperlukan pastinya lebih kecil. Namun, dalam masa yang sama, berhati-hati dalam merancang kewangan anda. Elakkan daripada membuat pengeluaran wang sewenang-wenangnya dan pastikan ia mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga akhir hayat anda.

Di samping itu juga, anda mungkin mahu mengambil kira kesan kuasa pengkompaunan kerana lebih awal anda memulakan pelan simpanan persaraan, maka lebih mudahlah anda mencapai matlamat kewangan yang ditetapkan. Setelah menetapkan jumlah wang yang diperlukan, langkah seterusnya ialah untuk memberikan komitmen penuh kepada jumlah yang hendak disimpan dan menguruskan portfolio pelaburan anda dengan cara yang sepatutnya. Semakin hampir kepada umur persaraan, maka semakin rendahlah risiko yang perlu diambil. Oleh itu, elakkan daripada mengambil risiko yang tinggi hanya kerana anda kini dalam peringkat pertengahan umur dan baru mula untuk merancang wang yang diperlukan. Jika anda mengalami situasi ini, dapatkan nasihat profesional kewangan yang berlesen. Akhir kata, berbelanjalah mengikut keperluan dan cuba maksimumkan simpanan anda untuk waktu persaraan.

Apa tunggu lagi? Mulakan pelan persaraan anda sekarang!

Artikel ini ditulis oleh SIDC dan En. Ooi Kok Hwa, pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan nasihat pelaburan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Maklumat yang terkandung di dalam atikel ini ialah untuk tujuan pendidikan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai pengganti untuk nasihat perundangan atau mana-mana nasihat profesional yang lain.



Waspada Terhadap Hadiah Percuma

Akhir-akhir ini, terdapat pelbagai bentuk penyelewengan dan penipuan yang melibatkan panggilan telefon dan e-mel di internet. Walaupun kes-kes ini berlaku secara bermusim, namun ia akan muncul dari semasa ke semasa. Hakikatnya, ramai mangsa tidak berani membuat laporan kerana dibelenggu oleh perasaan malu dan mereka dikategorikan dalam golongan yang berpelajaran.

Berikut adalah modus operandi yang biasa digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

a) Membuat panggilan telefon

Panggilan telefon merupakan cara paling mudah untuk memperdayakan mangsa. Selain daripada kosnya yang rendah, identiti syarikat atau pihak yang menelefon juga tidak diketahui. Alasan yang biasa digunakan apabila anda bertanyakan daripada mana maklumat anda diambil, ia diperoleh daripada kedai menjual barangan elektrik atau menggunakan nama syarikat-syarikat yang terkenal bagi meyakinkan anda.

b) Waktu panggilan pada hujung minggu atau pada cuti umum

Hujung minggu dan cuti umum adalah masa anda berehat di rumah dan tiada gangguan kerja-kerja pejabat. Anda juga tidak boleh membuat panggilan kepada syarikat yang terlibat untuk pengesahan (jika menggunakan nama syarikat terkenal).

c) Menawarkan hadiah percuma

Syarikat tersebut tidak meminta wang anda secara terus, tetapi menawarkan hadiah percuma untuk memikat hati anda. Syarikat juga menyatakan bahawa keinginan mereka untuk memberikan hadiah percuma bagi mengurangkan cukai syarikat. Syarikat tersebut mendakwa bahawa cabutan tersebut bersempena dengan perayaan ulang tahun syarikat dan sebagainya.

d) Memujuk atau meminta anda membuat keputusan segera

Syarikat menyatakan bahawa tawaran adalah terhad atau tawaran hanya untuk hari itu sahaja. Anda tidak berpeluang untuk berfikir dan menyemak latar belakang syarikat tersebut.

e) Meminta maklumat buku akaun atau membawa buku akaun bank / ASB dan sebagainya

Dengan cara ini, anda boleh membayar kepada syarikat tersebut secara terus atau pada hari yang sama.

f) Meminta wang anda terlebih dahulu

Langkah terakhir dan terpenting adalah mereka akan meminta wang daripada anda. Anda perlu membayar wang sebelum menerima hadiah percuma. Syarikat akan mendakwa bahawa pembayaran tersebut sebagai ‘bayaran pendahuluan’ atau pelbagai nama lagi.

Langkah di atas adalah panduan untuk anda lebih berhati-hati. Jika anda sudah mula berurusan dengan mereka, letakkan gagang telefon atau beredar secepat mungkin.

Jangan Panik Dengan Hutang



Bertenang Dan Fikirkan Kaedah Terbaik Untuk Mengatasinya

Hutang boleh menjejaskan kesihatan serta menyebabkan tekanan hidup jikalau anda gagal menguruskannya dengan baik.

Akibat tidak dapat menghadapi tekanan hidup kerana beban hutang yang banyak, menyebabkan ada yang mengambil jalan singkat, seperti meminjam dengan Ah Long – yang sebenarnya menjerat diri sendiri.

Malahan, jika pegangan agama tidak kuat, ada yang sanggup membunuh diri.

Bertenang! Walau apa pun tindakan yang anda ingin lakukan, anda perlu memikirkan tentang buruk dan baiknya. Fikirlah bahawa setiap masalah, termasuk hutang, ada cara penyelesaiannya.

Berikut adalah tiga langkah yang boleh digunakan untuk menangani masalah hutang yang tidak terkawal.

1) Mengaku anda banyak hutang

Anda harus mengakui sekiranya anda mempunyai masalah hutang yang tidak terkawal. Jangan menafikannya.

Jangan menambahkan lagi hutang. Ini termasuk membeli barangan dan perkhidmatan dengan menggunakan kad kredit.

2) Periksa status kewangan

Analisis kedudukan kewangan anda. Kemas kini semua penyata hutang anda untuk mengetahui jumlah semua hutang yang sebenarnya.

Bandingkan jumlah pembayaran balik hutang dengan pendapatan anda.

Bayar balik hutang mengikut keutamaan. Bayar dahulu pinjaman dan hutang tertunggak yang mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi.

3) Segera betulkan keadaan

Ambil tindakan segera untuk membetulkan keadaan. Sediakan bajet, sekiranya anda masih belum berbuat demikian. Bajet anda mesti mengambil kira semua pembayaran bulanan dalam senarai perbelanjaan anda.

Pertimbangkan untuk menggunakan tabungan atau menjual aset pelaburan bagi mengurangkan hutang.

Kurangkan perbelanjaan anda. Berbelanja untuk barangan dan perkhidmatan yang penting sahaja.

Berusaha untuk meningkatkan pendapatan, seperti membuat kerja sambilan.

Berunding dengan institusi kewangan untuk memohon penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang bersesuaian dengan kedudukan aliran tunai anda.

Dapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) jika institusi kewangan tidak dapat membantu.

Terdapat beberapa organisasi yang boleh dihubungi sekiranya anda memerlukan bantuan dan nasihat untuk menyelesaikan hutang. Bagaimanapun, anda perlu mengambil langkah proaktif sebagaimana yang dinyatakan di atas untuk menyelesaikan masalah, termasuk berbincang dengan pihak institusi kewangan.

Berikut adalah organisasi yang boleh membantu menguruskan kedudukan hutang. Peranan mereka bukanlah menyediakan wang untuk melangsaikan hutang anda, tetapi untuk memberi nasihat dan panduan bagaimana hutang anda boleh diuruskan.

AKPK



Organisasi ini ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan visi: Amalkan Pengurusan Kewangan Berhemat Sebagai Budaya Hidup. Ia bertujuan untuk memastikan warga Malaysia menjalani kehidupan dengan mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik dan hutang terkawal.

AKPK menawarkan tiga jenis perkhidmatan secara percuma kepada individu sahaja untuk membantu menguruskan kewangan dengan lebih baik:

- Mendidik atau mengajar mengenai penggunaan kredit dan asas pengurusan wang, termasuk petua menggunakan kredit (hutang) secara bertanggungjawab.
- Memberi kaunseling dan nasihat mengenai pengurusan kewangan, membuat penilaian mendalam mengenai masalah kewangan anda dan cara untuk mengatasinya.
- Program Pengurusan Kredit (PPK), iaitu peminjam dan AKPK bekerjasama untuk menyediakan pelan penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman menerusi rundingan dengan institusi kewangan.

Untuk layak mendapatkan perkhidmatan PPK, anda perlu memenuhi syarat berikut:

- Tidak mampu menguruskan tanggungan hutang.
- Mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM dan bukan hutang daripada ceti haram atau Ah Long.
- Mempunyai jumlah pinjaman tidak lebih daripada RM2 juta.
- Mempunyai sumber pendapatan positif selepas menolak perbelanjaan.
- Tidak berada dalam peringkat tindakan undang-undang yang sudah lanjut.
- Belum diisytiharkan bankrap.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, layari laman sesawang ***www.akpk.org.my***

Laman informasi dan Khidmat Nasihat BNM (BNMLINK)

Ini adalah saluran penting BNM untuk berhubung dengan orang ramai. Ia berperanan sebagai pusat perhubungan untuk memudahkan maklum balas kepada orang ramai dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berhubung dengan perkara berkaitan dengan sektor kewangan.

Layari BNMLINK di ***www.bnm.gov.my/bnmlink/index.tm.***

Petikan artikel daripada Berita Harian, 25 Mei 2013, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (729811-P)

Aras 8.2-8.9, Maju Junction Mall,
1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.

www.akpk.org.my
Talian Bebas Tol: 1800-88-2575

Deposit dan Caj Tempahan *(Booking Fees)*



Deposit merupakan terma yang sering digunakan bagi apa jua transaksi komersial sebagai bayaran muka atau bayaran awal *(downpayment)*. Bayaran deposit adalah mengikut persetujuan kedua–dua pihak, namun lazimnya bayaran yang dibuat adalah 10 peratus daripada harga jualan yang sebenar.

Penjualan aset seperti kereta telah menetapkan satu konsep pembayaran yang baru dikenali sebagai *'booking fee'* untuk mengelakkan pembeli daripada mengalami kerugian secara keseluruhan. Ini kerana, berdasarkan amalan pembayaran deposit yang dilakukan, pembeli tidak akan menerima semula deposit yang dibayar sekiranya permohonan pinjaman ditolak oleh pihak bank.

Berdasarkan Akta Sewa Beli 1967 (pindaan 2010), pembeli boleh membuat bayaran sebanyak 1 peratus yang dikenali sebagai caj tempahan atau *'booking fee'* kepada penjual. Caj tempahan bertindak sebagai tempahan awal untuk membeli aset, sementara menunggu keputusan permohonan pinjaman daripada bank. Oleh sebab nilai aset yang dijual di pasaran adalah tinggi, Akta Sewa Beli dipinda bagi memastikan pembeli tidak menanggung terlalu banyak kerugian jika permohonan pinjaman ditolak.

Bagi pembeli yang membuat pembayaran caj tempahan, anda berhak untuk mendapatkan kembali 90 peratus daripada 1 peratus bayaran yang dibuat kepada penjual. Manakala baki 10 peratus tersebut akan menjadi milik penjual apabila transaksi jual beli tersebut tidak berjaya.

Penerangan:

1. Pembeli membuat bayaran sebanyak RM500 (1%) kepada penjual sebagai *'booking fee'*.
2. Pembeli akan membuat permohonan pinjaman kepada bank bagi membiayai pembelian.
3. Pihak bank akan memberikan notis bahawa permohonan pinjaman telah gagal kepada pembeli. Pembeli akan memaklumkan kepada penjual bahawa pinjaman gagal.
4. RM450 akan dipulangkan kepada pembeli, iaitu 90% daripada RM500 (1% *'booking fee'*)
5. RM50 akan diserahkan kepada penjual, iaitu 10% daripada RM500 (1% *'booking fee'*)

Ilustrasi: Aset bernilai RM50,000





Panggilan Yang Tidak Diundang

Saya ialah seorang warga emas dan pesara kerajaan. Beberapa hari yang lalu, saya telah menerima satu panggilan telefon daripada sebuah syarikat X. Pihak syarikat mendakwa saya merupakan pembeli bertuah. Sebelum ini, saya pernah membeli barangan elektrik. Syarikat menyatakan tujuan pemberian hadiah percuma ini adalah untuk mengelakkan pembayaran cukai yang dikenakan terhadap syarikat. Saya telah diminta untuk memberikan maklumat butiran akaun, seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Tabung Haji dan akaun simpanan milik persendirian. Saya mulai berasa curiga dengan panggilan ini. Bagaimanakah saya ingin mengetahui adakah ini merupakan salah satu penipuan? Dan bagaimanakah syarikat tersebut mempunyai data dan maklumat peribadi saya.

Mohon nasihat. Terima kasih.

Jawapan:

Maklumat-maklumat seperti ASB, akaun bank atau apa jua simpanan merupakan maklumat yang menjadi hak peribadi bagi seseorang individu. Lazimnya maklumat sedemikian tidak diperlukan bagi pemberian hadiah percuma. Anda dinasihatkan supaya tidak mengikut permintaan pemanggil kerana kes penipuan pada masa ini menggunakan modus operandi yang sedemikian.

Salah satu cara untuk mengetahui sama ada panggilan tersebut merupakan satu penipuan ialah dengan mendapatkan maklumat syarikat tersebut terlebih dahulu. Anda perlu bertanya tentang cara pemberian hadiah dilakukan. Perhatikan jika terdapat sebarang keraguan, seperti penerima hadiah perlu mendepositkan wang terlebih dahulu atau pemberian hadiah akan dibuat tanpa melibatkan pertemuan kedua-dua belah pihak, atau anda diminta untuk hadir ke pejabat syarikat dengan membawa buku simpanan ASB, akaun bank dan sebagainya. Ia meningkatkan lagi kemungkinan bahawa panggilan tersebut adalah satu penipuan.

Lebih wajar jika dipastikan terlebih dahulu bahawa syarikat tersebut benar-benar wujud dan beroperasi secara sah. Jika benar terdapat pemberian hadiah percuma, anda akan diberikan masa dan akan dimaklumkan secara terperinci tentang pemberian hadiah tersebut. Anda juga tidak akan dipujuk untuk memberikan apa jua maklumat atau persetujuan secara mengejut tanpa dibenarkan membuat sebarang pertimbangan.

Berkenaan dengan maklumat yang diperoleh pula, terdapat kemungkinan bahawa syarikat tersebut mendapat maklumat itu daripada syarikat asal yang menyimpan maklumat anda. Untuk melindungi kepentingan data peribadi pengguna daripada disalahgunakan oleh pihak ketiga / syarikat lain, Akta Perlindungan Data Peribadi telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2010. Akta tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013 dan pihak syarikat boleh dikenakan tindakan dan diwajibkan untuk meminta kebenaran daripada pelanggan untuk berkongsi data dengan pihak ketiga. Pengguna diminta supaya berhati-hati apabila menerima panggilan atau mesej yang menawarkan hadiah percuma.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Gunalah IBG

Manfaatkan GIRO Antara Bank (IBG) untuk membayar bil kad kredit, ansuran pinjaman & memindahkan dana daripada satu bank kepada bank yang lain



Manfaatkan GIRO Antara Bank (IBG)...
cuma 10 sen setiap transaksi

GIRO Antara Bank (IBG) ialah ...

- Sistem pembayaran elektronik yang membolehkan individu atau peniaga memindahkan dana dan membuat pelbagai pembayaran dengan selamat daripada satu bank kepada bank yang lain.
- Perkhidmatan yang sedia ada di portal perbankan Internet dan perbankan mudah alih bank.

Cubalah sekarang!

Cepat, Senang dan Mudah Disemak

- **Cepat** - arahan pembayaran yang dibuat sebelum pukul 12.30 tengah hari akan dikreditkan dalam akaun penerima pada hari bekerja yang sama jika maklumat yang diberikan adalah betul.
- **Senang** - waktu perkhidmatan dilanjutkan, tujuh hari seminggu, di mana-mana sahaja.
- **Mudah disemak** - transaksi pembayaran dan penerimaan boleh disemak dalam penyata bank.
- **Mudah dilaksanakan** - arahan pembayaran yang mudah (berserta ilustrasi).
  - Anda hanya perlukan nombor akaun dan nama bank penerima.

Transaksi yang Selamat

- IBG mempunyai semua ciri keselamatan perbankan Internet termasuk Kod Pengesahan Transaksi (*Transaction Authorisation Codes*, TAC) selain log masuk nama pengguna dan kata laluan (atau token keselamatan).
- Anda boleh memasukkan nombor MyKad atau pendaftaran perniagaan *(selain nombor akaun bank)* sebagai pengesahan tambahan untuk mengesahkan kesahihan penerima *(ciri pengesahan pilihan yang ditawarkan oleh sesetengah bank)*.
  - Pengguna digalakkan untuk memaklumkan nombor kad pengenalan dan pendaftaran perniagaan yang baharu kepada bank.
- Pemberitahuan transaksi melalui SMS dan e-mel.

→ IBG untuk Individu dan Syarikat Pemilikan Tunggal

Manfaatkan IBG untuk...

- Memindahkan dana kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan rakan perniagaan yang memiliki akaun di bank lain.
- Membayar bil kad kredit dan membayar balik pinjaman di bank lain.

Minta pembayar gunakan IBG

- Anda akan menerima pembayaran dalam masa yang singkat.

Bayaran dividen juga boleh diterima secara elektronik
(Hubungi broker saham anda atau lawati laman sesawang Bursa Malaysia untuk maklumat lanjut)

Had Transaksi

Sehingga RM10,000 sehari untuk perbankan peribadi.
*** Bank-bank mungkin mempunyai had transaksi sehingga RM5,000 dan anda boleh memohon untuk had yang lebih tinggi*

→ IBG untuk Perniagaan

Manfaatkan IBG untuk...

- Membayar pembekal, rakan perniagaan dan gaji kakitangan
  *** Fi tambahan mungkin dikenakan oleh bank untuk perniagaan yang melanggan perkhidmatan transaksi pukal secara automatik (automated bulk transaction) atau perkhidmatan lain*

Minta pelanggan gunakan IBG

- Anda akan menerima pembayaran dalam masa yang singkat.

Bayaran dividen juga boleh diterima secara elektronik
(Hubungi broker saham anda atau lawati laman sesawang Bursa Malaysia untuk maklumat lanjut)

Had Transaksi

Sehingga RM500,000 setiap transaksi.

(sila semak had transaksi sebenar dengan bank anda kerana setiap bank mempunyai had yang berlainan)

Ciri keselamatan untuk akaun korporat

- Token keselamatan – sejenis alat yang menjana kod laluan yang unik untuk log masuk dan pengesahan transaksi.
- Sijil digital - sesetengah bank menghendaki sijil digital untuk mengesahkan kesahihan pengguna.

Kawalan pengesahan transaksi

- Proses pengesahan transaksi dua peringkat yang memberikan dua peringkat kawalan bagi menjamin transaksi yang lebih selamat (*sila semak dengan bank anda untuk mendapatkan perkhidmatan ini).*

Pelbagai pakej perbankan dalam talian

- Pilih pakej perbankan dalam talian yang terbaik untuk memenuhi keperluan perniagaan anda.
  - *** Kenal pasti jenis pembayaran yang dapat dibuat menggunakan IBG*
  - *** Fi bulanan yang dikenakan untuk mengakses perkhidmatan perbankan dalam talian dan perkhidmatan nilai ditambah seperti pembayaran secara automatik mungkin berbeza antara satu bank dengan bank yang lain.*

Cubalah sekarang!

Tip keselamatan bagi transaksi IBG

- Jangan sekali-kali mendedahkan nama pengguna dan kata laluan anda.
- Jangan akses portal perbankan Internet melalui pautan di e-mel.
- Hubungi bank anda dengan segera jika anda menerima notis pemberitahuan bagi transaksi yang anda tidak lakukan.
- Sentiasa semak penyata bank dalam talian anda bagi memantau transaksi.

Tip untuk mengesan transaksi IBG

i. Sentiasa nyatakan tujuan pembayaran dalam ruang "rujukan penerima" contohnya "Yuran tuisyen untuk bulan Sept 2013" bagi membolehkan penerima mengenal pasti tujuan pembayaran *(nama pembayar dan tujuan pembayaran akan disediakan oleh kebanyakan bank kepada penerima mulai 1 April 2014).*

ii. Maklumkan kepada penerima melalui SMS, e-mel atau sebarang cara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.

iii. Semak penyata perbankan dalam talian anda.

Minta pembayar anda lakukan langkah yang sama (i & ii)

Alamilah IBG sekarang!

Senarai bank yang menawarkan perkhidmatan IBG

No.	Nama bank
1.	Affin Bank Berhad Affin Islamic Bank Berhad
2.	Agro Bank Berhad
3.	Alliance Bank Malaysia Berhad Alliance Islamic Bank Berhad
4.	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
5.	AmBank Malaysia Berhad AmIslamic Bank Berhad
6.	Bank Islam Malaysia Berhad
7.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
8.	Bank Muamalat Malaysia Berhad
9.	Bank of America Malaysia Berhad
10.	Bank Simpanan Nasional
11.	Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
12.	BNP Paribas Malaysia Berhad
13.	CIMB Bank Berhad CIMB Islamic Bank Berhad
14.	Citibank Berhad
15.	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
16.	Hong Leong Bank Berhad Hong Leong Islamic Bank Berhad
17.	HSBC Bank Malaysia Berhad HSBC Amanah Malaysia Berhad
18.	Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
19.	J.P. Morgan Chase Bank Berhad
20.	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
21.	Malayan Banking Berhad Maybank Islamic Berhad
22.	Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
23.	OCBC Bank (Malaysia) Berhad OCBC Al-Amin Bank Berhad
24.	Public Bank Berhad Public Islamic Bank Berhad
25.	RHB Bank Berhad RHB Islamic Bank Berhad
26.	The Royal Bank of Scotland Berhad
27.	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad Standard Chartered Saadiq Berhad
28.	Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
29.	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA
www.abm.org.my

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM)
www.aibim.com

Disokong oleh:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA
www.bnm.gov.my

Pengurusan Risiko



Lindungi pelaburan anda

DOKTOR WANG SURIA

Inisiatif Pendidikan Kewangan yang disokong oleh Bank Negara Malaysia

AKPK
Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit
Credit Counselling And Debt Management Agency

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

988

越理越多财

国家银行所支持的一项金融教育计划



Dapatkan panduan untuk menguruskan kewangan anda dengan bijak ...

Tidak tentu arah dengan situasi kewangan anda?

Nak dapatkan nasihat tapi tidak pasti dengan siapa boleh dipercayai untuk membantu anda?

Jangan bimbang, AKPK boleh membantu anda!

Dengarkan rancangan "Doktor Wang Suria", setiap hari Selasa dan Rabu, pukul 7 hingga 9 pagi di Suria FM (105.3fm) dan rancangan "Yuet Lei Yuet Tor Choy" setiap hari Khamis, pukul 8 hingga 9 pagi di 988 FM (98.8fm).

Rancangan ini bersiaran bermula 1 Oktober sehingga 31 Disember 2013.

Luangkan masa untuk mendengar rancangan ini bagi mendapatkan panduan pengurusan kewangan.

AKPK menawarkan tiga jenis perkhidmatan percuma untuk membantu individu menguruskan kewangan dengan lebih baik iaitu program pendidikan kewangan, kaunseling dan program pengurusan kredit

Untuk maklumat lanjut, hubungi AKPK di talian 1800-88-2575 atau layari www.akpk.org.my

Suria fm
Mencerlakan Duniamu

988

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my